

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# "KERATAN AKHBAR KESUMA"

## SABTU
## 20 Disember 2025

| | | |
|---|---|---|
| **Akhbar** | **Utusan Malaysia** | |
| **Tarikh** | **20 Disember 2025** | |
| **Ruang** | **Dalam Negeri** | |
| **Muka Surat** | **2** | |



# 300,000 majikan gagal bayar caruman Perkeso

Dari muka 1

"Oleh itu, pengurangan FCLB untuk tempoh kira-kira dua bulan adalah wajar bagi membantu memastikan kelangsungan operasi majikan," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja sulung ke Menara Perkeso semalam.

Sementara itu, Ramanan berkata, pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Pekerjaan, (Lindung 24 Jam) disasarkan untuk dilancarkan pada suku pertama atau kedua tahun depan.

Selain itu, beliau berkata, Perkeso juga telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi Skim Pengembara dalam memastikan kira-kira 400,000 pekerja rentas sempadan yang berulang-alik setiap hari melalui Tambak Johor menerima perlindungan keselamatan sosial.

"Saya komited memastikan skim ini dilaksanakan secara berterusan, lancar dan berkesan demi kebajikan pekerja, selain melindungi mereka sekiranya berlaku kemalangan di luar waktu bekerja.

"Selain itu, kita juga bersetuju untuk mencari mekanisme perlindungan kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan merentasi Tambak Johor hampir setiap hari. Saya telah meminta Perkeso meneliti kaedah terbaik bagi memastikan golongan ini tidak tercicir daripada perlindungan keselamatan sosial," katanya.

Dalam pada itu, Ramanan berkata, semua permohonan faedah membabitkan empat akta di bawah Perkeso boleh dikemukakan sepenuhnya secara dalam talian berkuat kuasa bulan depan.

Katanya, langkah itu merupakan sebahagian daripada pembaharuan dasar yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta akses kepada pencarum dan penerima faedah di seluruh negara.

"Bagi memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada lebih 10 juta pekerja dalam sektor formal dan tidak formal, Perkeso diarahkan supaya semua permohonan faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 disediakan secara dalam talian.

"Selain itu portal Lindung Faedah ini turut membantu permohonan bagi Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Hilang Upaya Sementara, Pencen Ilat, Kecederaan Pekerjaan, Faedah Orang Tanggungan dan Pencen Penakat.

"Ini akan melancarkan lebih 200,000 permohonan faedah Perkeso yang dikemukakan setiap tahun tanpa membebankan pencarum serta tanggungan mereka," katanya.



R. RAMANAN (kanan) hadir pada lawatan kerja rasmi di Menara Perkeso, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | Kosmo! |
|---|---|
| Tarikh | 20 Disember 2025 |
| Ruang | Negara |
| Muka Surat | 9 |

SUARA KONTEMPORARI Kosmo!





RAMANAN (kanan) ketika lawatan kerja rasmi ke Menara Perkeso di Jalan Ampang, Kuala Lumpur semalam.

# Faedah Perkeso mohon secara online Januari

- **Semua permohonan faedah Perkeso babit empat akta**
- **Manfaatkan 10 juta pekerja sektor formal, informal**

**KUALA LUMPUR** – Semua permohonan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menerusi empat akta boleh dikemukakan secara dalam talian, berkuat kuasa Januari ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, pembaharuan dasar itu antara empat pengumuman utama yang dibuat olehnya semalam.

"Ia bakal memanfaatkan 10 juta pekerja sektor formal dan informal di Malaysia, meliputi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789), Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838).

"Pembaharuan tersebut turut melibatkan pengurangan Faedah Caruman Lewat Bayar sebanyak 80 peratus mulai semalam, hingga hujung Februari 2026," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja rasmi sulung beliau ke Menara Perkeso, di sini semalam.

Beliau berkata, seterusnya adalah sasaran pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (Lindung 24 Jam) menjelang suku pertama atau akhir suku kedua 2026.

"Pengoperasian penuh portal Lindung Faedah akan membabitkan permohonan faedah hilang upaya kekal, hilang upaya sementara, pencen ilat, penyakit khidmat, faedah orang tanggungan dan pencen penakat.

"Kadar permohonan faedah Perkeso yang purata lebih 200,000 setahun, dapat dipermudah sekali gus mengurangkan beban pencarum dan waris keluarga untuk tampil ke pejabat Perkeso di seluruh negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa tiada istilah 'bulan madu' sejurus dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia pada Selasa lalu.

"Hari pertama saya 'clock in' dan hari ini, saya sudah ada di Perkeso. Tiada masa untuk bulan madu sebab ramai rakyat yang memerlukan bantuan," tegasnya.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tarikh | 20 Disember 2025 |
| Ruang | Nasional |
| Muka Surat | 9 |

BH BeritaHarian

# Semua permohonan faedah PERKESO dalam talian mula Januari

**Kuala Lumpur:** Semua permohonan faedah membabitkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) boleh dikemuka sepenuhnya secara dalam talian, berkuat kuasa Januari ini.

Pembaharuan dasar itu antara empat pengumuman utama yang dibuat Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan, ketika lawatan ke Menara PERKESO, semalam.

Beliau berkata, langkah berkenaan bukan saja memudahkan urusan pencarum, malah menjimatkan masa kerana mereka tidak lagi perlu hadir secara fizikal ke pejabat PERKESO.

"Bagi memastikan perkhidmatan terbaik kepada lebih 10 juta pekerja sektor formal dan informal di negara ini, saya mengarahkan PERKESO supaya semua permohonan faedah boleh dibuat secara dalam talian.

"Ia meliputi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022," katanya.

Ramanan berkata, tiga lagi pengumuman membabitkan sasaran pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (LINDUNG 24 Jam) dijangka bermula suku pertama atau selewat-lewatnya akhir suku kedua 2026, selain pengurangan Faedah Caruman Lewat Bayar sebanyak 80 peratus yang berkuat kuasa mulai semalam hingga hujung Januari 2026.

## Skim Pengembara

Beliau turut mengumumkan pelaksanaan Skim Pengembara yang akan dirintis menerusi kajian kebolehlaksanaan tahun depan, bagi memastikan hampir 400,000 pekerja tempatan yang merentasi Tambak Johor setiap hari tidak tercicir daripada menerima perlindungan keselamatan sosial.

"Sebagai Menteri Sumber Manusia yang baharu, saya komited memastikan skim LINDUNG 24 Jam ini dilaksanakan secara berterusan, lancar dan berkesan demi kebajikan pekerja, selain melindungi mereka sekiranya berlaku kemalangan di luar waktu bekerja.

"Selain itu, kita bersetuju untuk mencari mekanisme perlindungan kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan merentasi Tambak Johor hampir setiap hari.

"Saya meminta PERKESO meneliti kaedah terbaik bagi memastikan golongan ini tidak tercicir daripada perlindungan keselamatan sosial," katanya.

Mengulas Faedah Caruman Lewat Bayar, Ramanan berkata, ia membabitkan kira-kira 300,000 syarikat dengan jumlah penalti mencecah RM157 juta bagi tempoh 2018 hingga kini.

Sementara itu Ramanan berkata, penegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya anggota Kabinet baharu terus bekerja sebaik mengangkat sumpah, selari dengan realiti semasa yang menyaksikan ramai rakyat memerlukan bantuan segera daripada kerajaan.

### Inisiatif PERKESO tahun depan

- Semua permohonan faedah PERKESO boleh dikemuka secara dalam talian.
- Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (LINDUNG 24 Jam) bermula suku pertama.
- Pengurangan Faedah Caruman Lewat Bayar sebanyak 80 peratus yang berkuat kuasa semalam hingga hujung Januari 2026.
- Kajian kebolehlaksanaan Skim Pengembara untuk warga Malaysia bekerja di Singapura (menerima perlindungan keselamatan sosial).



Infografik BH



*Ramanan pada sidang media ketika lawatan kerja rasmi ke Menara PERKESO Jalan Ampang, semalam yang turut dihadiri Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Mohd Yusof (kiri) dan Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal.* (Foto Asyraf Hamzah/BH)

| Akhbar | Harian Metro |
|---|---|
| Tarikh | 20 Disember2025 |
| Ruang | Lokal |
| Muka Surat | 17 |

# Boleh mohon faedah PERKESO secara dalam talian mulai Januari 2026

**Kuala Lumpur:** Bermula Januari depan, semua permohonan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meliputi empat akta utama boleh dikemukakan sepenuhnya secara dalam talian.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri R Ramanan berkata, inisiatif pendigitalan itu membabitkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022.

"Bagi tidak menyusahkan pencarum, permohonan boleh dibuat dalam talian menggunakan sama ada telefon bimbit atau komputer mulai 1 Januari depan.

"Saya percaya ini satu langkah yang baik sebab mereka (pemohon) dapat menjimatkan masa dan kos perjalanan untuk ke pejabat PERKESO," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja rasmi pertama ke Menara PERKESO di sini, semalam.



RAMANAN bercakap kepada pemberita ketika lawatan kerja rasmi ke Menara PERKESO Jalan Ampang. Turut hadir, Subahan (dua dari kanan) dan Dr Mohammed Azman. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

Turut hadir, Pengerusi Lembaga PERKESO Datuk Seri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Selain aspek pendigitalan, Ramanan turut mengumumkan sasaran pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja atau LINDUNG 24 Jam menjelang suku pertama atau akhir suku kedua 2026.

Ramanan yang dilantik menerajui Kementerian Sumber Manusia dalam rombakan Kabinet Kerajaan MADANI Selasa lepas berkata beliau komited untuk memastikan skim itu dilaksanakan secara telus, lancar dan berkesan demi kebaikan pekerja.

Menyentuh mengenai golongan pekerja rentas sempadan, Ramanan berkata PERKESO akan merintis Skim Pengembara bermula tahun hadapan menerusi satu kajian kebolehlaksanaan yang teliti bagi mencari mekanisme perlindungan terbaik.

"Rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura, angkanya hampir 400,000 pekerja tempatan yang melintas Tambak Johor setiap hari.

"Saya telah arahkan PERKESO untuk cari satu jalan, bagaimana kita boleh memberikan mereka perlindungan untuk menjaga keselamatan mereka dan tidak tercicir," katanya.

Bagi meringankan beban majikan, Ramanan berkata PERKESO bersetuju menawarkan pengurangan kadar Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) sebanyak 80 peratus bermula hari ini hingga penghujung Februari 2026.

"PERKESO bersetuju penalti dikurangkan. Kita berikan 80 peratus diskaun, tetapi perlu dibayar sebelum hujung Februari," katanya sambil menambah insentif berkenaan bertujuan membantu kelangsungan operasi majikan khususnya sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | New Straits Times |
| --- | --- |
| Tarikh | 20 December 2025 |
| Ruang | Nation/News |
| Muka Surat | 3 |

NEW STRAITS TIMES ESTABLISHED 1845

SAFETY NET UPGRADE

# 24-HOUR COVERAGE IN NEW PERKESO SCHEME

## Lindung 24/7 will be launched next year and offers protection beyond work hours

NOR AIN MOHAMED RADHI
AND JADEN LIM
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

ROUND-THE-CLOCK protection for workers is among the major Social Security Organisation (Perkeso) initiatives to be rolled out to benefit workers and employers.

New Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan said the Non-Occupational Disaster Accident Scheme (Lindung 24/7) was targeted for launch in the first or second quarter next year.

The scheme will cover workers beyond work hours for accidents and illnesses, and has benefits like medical aid, disability, funeral and education support.

Ramanan, who was speaking to the media after visiting Perkeso headquarters here yesterday, said Lindung 24/7 was a major upgrade to the national safety net, especially for workers with flexible employment arrangements.

Present were ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof, Perkeso chairman Datuk Seri Subahan Kamal and its group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Ramanan said he had also instructed Perkeso to study the feasibility of offering protection to the 400,000 Malaysian workers who crossed the Johor Causeway daily under the proposed Travellers Scheme.

About 300,000 employers who owe about RM157 million in penalties over late contribution payments (FCLB) are eligible for discounts of up to 80 per cent.

He said the discounts would be offered until the end of February.

"We are aware of the situation faced by some employers, particularly micro, small and medium enterprises that are dealing with rising operating costs.

"Therefore, the reduction of the FCLB for a period of about two months is reasonable to help ensure the continued operations of employers," he said.

The last initiative is the online application for Perkeso benefits.

Ramanan said it would start from Jan 1 as part of broader policy reforms to improve service delivery and accessibility for contributors and beneficiaries.

"To ensure the best services for more than 10 million workers in the formal and informal sectors in Malaysia, I have directed Perkeso to ensure that all benefit applications, covering the Employees' Social Security Act 1969; the Self-Employment Social Security Act 2017; the Employment Insurance System Act 2017; and the Housewives' Social Security Act 2022 to be made online.

"The full operation of the 'Lindung Faedah' portal will involve applications for Permanent Disablement Benefit, Temporary Disablement Benefit, Invalidity Pension, Employment Injury, Dependants' Benefit and Survivors' Pension.

"Therefore, the average of more than 200,000 Perkeso benefit applications annually can be streamlined, without placing an additional burden on contributors and their dependants to visit Perkso offices," he said.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | New Straits Times |
| --- | --- |
| Tarikh | 20 December 2025 |
| Ruang | Nation/News |
| Muka Surat | 3 |

NEW STRAITS TIMES ESTABLISHED 1845






*New Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan speaking to journalists at the Social Security Organisation headquarters in Kuala Lumpur yesterday. With him are ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof (left) and Perkeso chairman Datuk Seri Subahan Kamal.* NSTP PIC BY ASYRAF HAMZAH

# No honeymoon period for new ministers, says Ramanan

**KUALA LUMPUR:** There is no "honeymoon period" for ministers as many people need help, said new Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan.

The Sungai Buloh member of parliament said on his first day in office on Thursday, he was briefed by ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof and top officials.

"Today, I'm here at Perkeso (the Social Security Organisation).

"Of course, if we look at the situation, there is no time for a honeymoon period because many people need assistance.

"For example, about 400,000 Malaysians cross the border every day to work in Singapore and return to Malaysia.

"There must be a way to ensure they are protected if anything happens, such as an accident," he told reporters.

On Thursday, government spokesman Datuk Fahmi Fadzil had said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had told new members of the government that they were expected to hit the ground running, as there would be no honeymoon period.

Ramanan said: "So indeed, what the prime minister said is true; there is no time for a honeymoon.

"Immediately, we, newly appointed ministers and deputies, get to work."

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **The Star** |
| **Tarikh** | **20 December 2025** |
| **Ruang** | **Nation** |
| **Muka Surat** | **4** |

# PERKESO benefits to go online starting next year

**KUALA LUMPUR:** Starting next year, all applications for Social Security Organisation (PERKESO) benefits under four main Acts can be submitted online, says Datuk Seri R. Ramanan.

The Human Resources Minister said the digitalisation initiative covers the Employees' Social Security Act 1969, the Self-Employed Social Security Act 2017, the Employment Insurance System Act 2017 and the Housewives' Social Security Act 2022.

"To avoid inconvenience to contributors, applications can be submitted online using a mobile phone or a computer starting Jan 1.

"I believe this is a positive step as it will save time and reduce travel costs to PERKESO offices," he told a press conference after his first official working visit to the PERKESO Tower yesterday, Bernama reported.

Also present were PERKESO board chairman Datuk Seri Subahan Kamal and group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Apart from digitalisation, Ramanan said efforts are underway to implement the Non-Workplace Accident Scheme (SKBBK), also known as Lindung 24 Jam, by the first quarter or by the end of the second quarter next year.

The newly appointed minister following a Cabinet reshuffle said he is committed to ensuring that the scheme, which has been passed by the Dewan Negara, is implemented transparently, smoothly and effectively for the benefit of workers.

Touching on cross-border workers, he said PERKESO plans to introduce a Traveller Scheme with a feasibility study to be conducted next year to identify the most suitable protection mechanism.

"Almost 400,000 Malaysians work in Singapore and cross the Johor Causeway daily.

"I have instructed PERKESO to find ways to provide them with protection to ensure their safety," he said.

To ease the burden on employers, Ramanan said PERKESO has agreed to offer an 80% reduction in Interest on Late Payment Contributions from now until the end of February next year.

"PERKESO has agreed to reduce the penalty, provided the outstanding amount is settled before the end of February," he said, adding that the incentive is aimed at helping employers, particularly those in the micro, small and medium enterprise sector.




**Down to business:** Ramanan (centre) speaking at a press conference after officially beginning his duties as Human Resources Minister. With him are (left) Human Resources Ministry Secretary-General Datuk Azman Mohd Yusof and Subahan. — Bernama


WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Makkal Osai** |
| **Tarikh** | **20 December 2025** |
| **Ruang** | **Nation** |
| **Muka Surat** | **3** |



சிங்கப்பூரில் பணியாற்றும் மலேசியத் தொழிலாளர்களின்

# நலன் காக்க புதிய காப்புறுதித் திட்டம்

## பெர்கேசோ முடிவு

PERKESO

ரா.தங்கமணி - படம்: எஸ்.ஷான்

கோலாலம்பூர், டிச. 20-

ஜோகூரிலிருந்து சிங்கப்பூருக்குச் சென்று வரும் மலேசியத் தொழிலாளர்களின் நலனைப் பாதுகாக்க புதிய காப்புறுதி திட்டம் தொடங்க சமூக பாதுகாப்பு அமைப்பு (பெர்கேசோ) முடிவு செய்துள்ளதாக மனிதவள அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ ரமணன் ராமகிருஷ்ணன் தெரிவித்தார்.

சிங்கப்பூரில் வேலைக்காகச் சென்று வரும் 400,000 தொழி லாளர்கள் நலனில் அக் கறை செலுத்தப்படுவது அவசியமாகிறது.

ஜோகூரிலிருந்து சிங்கப்பூருக்குச் சென்று திரும்பும் தொழிலாளர் களும் ஆபத்தான சூழலை எதிர்கொள்கின்றனர் என்பதை மறுக்க முடியாது. சில பேர் விபத்துகளில் சிக்கி உயிரை இழப்பதோடு சிலர் படுகாயமடைந்து வாழ்க்கையைத் தொலைக்கின்றனர்.

இவர்களுக்கும் ஒரு காப்புறுதித் திட்டத்தை அமல்படுத்த பெர்கேசோ திட்டம் வகுத்து வருகிறது என்று அம்பாங்கில் உள்ள மெனாரா பெர்கேசோவில் நடைபெற்ற விளக்கமளிப்புக்குப் பின்னர் செய்தியாளர்களிடம் பேசுகையில் டத்தோஸ்ரீ ரமணன் கூறினார்.

இத்திட்டம் குறித்து இப்போதுதான் கலந்துரையாடப்பட்டுள்ளது. இதன் அனுகூலங்கள், சந்தா குறித்து பல விவகாரங்கள் இனிமேல்தான் வரையறுக்கப்படும்.

மிகக் குறுகிய காலத்தில் இத்திட்டம் அமலாக்கம் செய்யப்படுவதற்கு நடவடிக்கைகள் துரிதப்படுத்தப்படும் என்று அவர் சொன்னார்.

அதோடு மலேசியத் தொழிலாளர்களுக்கான பெர்கேசோ காப்புறுதி 24 மணிநேரமும் செயல்படும் வகையில் சட்டதிருத்தம் அங்கீகரிக்கப்பட்டுள்ளது. அடுத்தாண்டு முதல் அமலாக்கம் காணும் இத்திட்டத்தின் வாயிலாக தொழிலாளர்களின் நலன் பாதுகாக்கப்படும்.




அதோடு, தொழிலாளர்களுக்கான சந்தாவை தாமதமாகச் செலுத்தும் குறு, சிறு, நடுத்தர நிறுவனங்கள் 80 விழுக்காடு கழிவில் கட்டணத்தை இன்று தொடங்கி 2026 ஜனவரிக்குள் செலுத்திவிட வேண்டும். இந்த வாய்ப்பை சம்பந்தப்பட்ட நிறுவனங்கள் நன்கு பயன்படுத்திக் கொள்ள வேண்டும் என்று டத்தோஸ்ரீ ரமணன் குறிப்பிட்டார்.

மேலும் பெர்கேசோவின் நான்கு சலுகைகளுக்கான விண்ணப்பங்களையும் இணையம் வாயிலாக பொதுமக்கள் விண்ணப்பிக்கலாம்.

தொழிலாளர் சமூக பாதுகாப்புச் சட்டம் 1969 (சட்டம் 4), சுயதொழில் செய்பவர்களுக்கான சமூக பாதுகாப்புச் சட்டம் 2017 (சட்டம் 789), வேலை வாய்ப்பு காப்பீட்டு அமைப்புச் சட்டம் (சட்டம் 800), இல்லத்தரசிகள் சமூக பாதுகாப்புச் சட்டம் 2022 (சட்டம் 838) ஆகியவற்றின் சலுகைகளுக்கான விண்ணப்பங்கள் இதில் அடங்கும்.

இந்த விளக்கமளிப்புக் கூட்டத்தில் பெர்கேசோ தலைமைச் செயலாளர் டத்தோ அஸ்மான், தலைவர் சுபாஹான், தலைமைச் செயல்முறை அதிகாரி டத்தோஸ்ரீ அஸ்மான் ஆகியோரும் உடனிருந்தனர்.